



## KERAJAAN MALAYSIA

---

### PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 29 TAHUN 2013

---

#### **PERUBAHAN NAMA DAN PINDAAN SYARAT LANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERANCANG BAHASA DAN PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BAHASA**

#### **TUJUAN**

1. Pekeling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai perubahan nama dan pindaan syarat lantikan skim perkhidmatan Pegawai Perancang Bahasa dan Penolong Pegawai Perancang Bahasa yang sedang berkuat kuasa.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Berdasarkan perkembangan semasa serta keperluan untuk mendapatkan bakat terbaik, maka kerajaan bersetuju supaya nama skim perkhidmatan Pegawai Perancang

Bahasa dan Penolong Pegawai Perancang Bahasa diubah dan syarat lantikan ke skim perkhidmatan berkenaan dipinda.

## PINDAAN

### Perubahan Nama Skim Perkhidmatan

3. Perubahan nama skim perkhidmatan adalah seperti berikut:

Sedia ada	Baharu
Pegawai Perancang Bahasa	Perancang Bahasa
Penolong Pegawai Perancang Bahasa	Penolong Perancang Bahasa

### Pindaan Syarat Lantikan

4. Syarat lantikan skim perkhidmatan Perancang Bahasa dan Penolong Perancang Bahasa yang baharu adalah seperti berikut:

Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan
Perancang Bahasa	Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
Penolong Perancang Bahasa	(i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau  (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

<b>Skim Perkhidmatan</b>	<b>Syarat Lantikan</b>
	(iii) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

5. Skim perkhidmatan Perancang Bahasa dan Penolong Perancang Bahasa adalah seperti di **Lampiran A** dan **A1**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**.

## **PELAKSANAAN**

6. Jabatan ini (Bahagian Pembangunan Organisasi [BPO]) akan membuat perubahan nama skim perkhidmatan yang baharu pada Surat Kelulusan Perjawatan sedia ada.

7. Semua pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pegawai Perancang Bahasa dan Penolong Pegawai Perancang Bahasa adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan Perancang Bahasa dan Penolong Perancang Bahasa yang baharu mulai tarikh kuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini. Gred jawatan pegawai adalah tidak berubah.

8. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

## **TARIKH KUAT KUASA**

9. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

## **PEMBATALAN**

10. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pegawai Perancang Bahasa dan Penolong Pegawai Perancang Bahasa yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



(**TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL**)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

**SKIM PERKHIDMATAN  
PERANCANG BAHASA**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b> PERKHIDMATAN SOSIAL
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b> PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>:</b> S41, S44, S48, S52, S54
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>:</b> 1 NOVEMBER 2013
<b>SYARAT LANTIKAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) warganegara Malaysia;</li><li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan</li><li>(c) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</li></ol></li></ol>
	<p style="text-align: center;">(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,112.86)</p>
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</li></ol>
<b>SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Perancang Bahasa adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Perancang Bahasa Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</li><li>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</li></ol></li></ol>
	<ol style="list-style-type: none"><li>(b) had umur pelantikan:<ol style="list-style-type: none"><li>(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau</li><li>(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58; atau</li><li>(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.</li></ol></li></ol>
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.</li></ol>

- TEMPOH PERCUBAAN**
5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S44**
11. Perancang Bahasa Gred S41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Perancang Bahasa Gred S44 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S48**
12. Perancang Bahasa Gred S44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Perancang Bahasa Gred S48 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S52**
13. Perancang Bahasa Gred S48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Perancang Bahasa Gred S52 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S54**
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
14. Perancang Bahasa Gred S52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Perancang Bahasa Gred S54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI**
15. Perancang Bahasa Gred S54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PERANCANG BAHASA**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b> <b>PERKHIDMATAN SOSIAL</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b> <b>PELAKSANA</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>:</b> <b>S27, S32, S38</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>:</b> <b>1 NOVEMBER 2013</b>
<b>SYARAT LANTIKAN</b>	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: RM1,362.00); atau</p> <p>(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: RM1,362.00); atau</p> <p>(iii) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: RM1,661.95)</p>
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	<p>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	<p>3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.</p>
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	<p>4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.</p>
<b>LATIHAN</b>	<p>5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</p>

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA/PEPERIKSAAN**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- memenuhi tempoh percubaan;
  - hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S32**

10. Penolong Perancang Bahasa Gred S27 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Perancang Bahasa Gred S32 yang kosong apabila telah:
- disahkan dalam perkhidmatan;
  - mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S38**

11. Penolong Perancang Bahasa Gred S32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Perancang Bahasa Gred S38 yang kosong apabila telah:
- mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PERANCANG BAHASA  
GRED S41**

12. Penolong Perancang Bahasa yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Perancang Bahasa Gred S41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**FORMAT IKLAN JAWATAN**

Rujukan Fail:

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan\* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(\* Potong mana yang tidak berkenaan)